

UCAPAN BELANJAWAN 2004 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bajet DBKL bagi tahun 2004 adalah satu bajet yang positif. Jumlah sumber pendapatan kesemuanya dijangka RM2,079,251,871. Manakala perbelanjaan dijangka sebanyak RM2,073,795,080. Ini menghasilkan lebihan sebanyak RM5,456,791.

Dalam bajet ini sebanyak RM 320,560,000 adalah untuk emolumen, belanja mengurus sebanyak RM 900,789,180, manakala belanja pembangunan adalah sebanyak RM 1,173,005,900.

Bajet DBKL 2004 meningkat sebanyak 14.2% atau RM 257,870,390 berbanding Tahun 2003. Dari segi Belanja Mengurus ia hanya meningkat sebanyak 1.38% kepada RM 12,285,110 manakala Belanja Pembangunan meningkat sebanyak 26.48% kepada RM 245,585,280.

Pertambahan belanja mengurus disebabkan pertambahan pejabat-pejabat cawangan, dari enam kepada sepuluh cawangan dan juga perubahan struktur gaji dari SSB kepada SSM.

Peningkatan belanja pembangunan yang besar ini pula adalah bagi tujuan menambahkan kemudahan dan keselesaan kepada warga kota. Ini membuktikan DBKL amat perihatin terhadap keperluan rakyat Kuala Lumpur.

Sebagaimana biasa Bajet DBKL dipecahkan kepada dua Bahagian utama :-

- (i) Belanja Mengurus
- (ii) Belanja Pembangunan

BELANJA MENGURUS

Belanja mengurus tidak termasuk emolumen dipecah kepada lima sektor iaitu:-

	RM	%
1. Perkhidmatan	479,849,531	82.7
2. Penguatkuasaan	49,377,503	8.51
3. Pelancongan	24,601,717	4.24
4. Latihan dan Penempatan	15,143,983	2.61
5. Pembangunan ICT	1,256,446	1.94
	580,229,180	100

Susunan sektor tersebut diatas itu juga melambangkan keutamaan sektor-sektor itu sendiri. Sektor perkhidmatan mengambil amaun yang terbesar sekali iaitu RM479.85 juta atau 82.7%.

Ini terdiri daripada perkhidmatan-perkhidmatan seperti kesihatan (RM12.35 juta), Pembersihan Bandar (RM 140.47 juta), Pengangkutan Bandar (RM18.17 juta), Perkhidmatan Pembersihan Sungai (RM9.40 juta) dan kerja-kerja awam seperti penyenggaraan jalanraya dan lampu isyarat (RM 67.02 juta).

Keutamaan kedua ialah sektor penguatkuasaan. Sektor ini memakan belanja sebanyak RM49.38 juta atau 8.51%. Sektor penguatkuasaan merupakan sektor yang penting bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang supaya masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang tenteram. Perkhidmatan penguatkuasaan meliputi kerja-kerja alam sekitar, pelesenan, penguatkuasaan undang-undang, anti-vandalisma dan pengawalan setingan.

Keutamaan ketiga Bajet DBKL 2004 ialah sektor pelancongan. Pelancongan termasuk mempromosi Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan sebanyak RM24.61 juta dan juga perkhidmatan sokongan kepada festival-festival yang dianjurkan Kerajaan.

Satu lagi sektor yang penting ialah latihan dan penempatan pegawai-pegawai. Latihan amat penting bagi mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan pegawai-pegawai bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi mempertingkatkan daya penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Latihan-latihan ini mengambil berbagai bentuk termasuk kursus-kursus di peringkat Sarjana, Diploma, menghadiri seminar tempatan dan luar negara serta penempatan di Institusi-institusi atau agensi-agensi dalam dan luar negara. Perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM 15.14 juta atau 2.61%.

Sektor yang kelima penting ialah program perkhidmatan ICT. Program ini mengambil bentuk penyenggaraan alat-alat dan sistem komputer serta penyewaan komputer dengan MIMOS. Ini akan melibatkan belanja sebanyak RM11.26 juta atau 1.94%.

BELANJA PEMBANGUNAN

Bahagian kedua terbesar Bajet 2004 ialah belanja pembangunan. Belanja Pembangunan ini dapat dipecahkan kepada lima sektor iaitu:-

		RM	%
1.	Infrastruktur	577.65	49.25
2.	Kemudahan Lalulintas	254.00	21.65
3.	Pembangunan Masyarakat / Komuniti dan Perkhidmatan	227.04	19.36
4.	Pelbagai	92.31	7.87
5.	Pembangunan ICT	22.01	1.88

Susunan keutamaan bagi sektor Belanja Pembangunan juga mengikut susunan seperti tersebut diatas. Pembangunan terbesar ialah pembinaan infrastruktur yang menelan belanja sebanyak RM577.65 juta atau 49.25%.

Sebagaimana sedia diketahui pembangunan infrastruktur merupakan pembinaan jalan-jalan, persimpangan bertingkat, parit-parit dan sebagainya. Seseengah dari belanja pembangunan adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan membiayai pembangunan infrastruktur sebanyak RM265 juta, manakala DBKL sendiri membelanja sebanyak RM312.65 juta.

Keutamaan yang kedua ialah kemudahan lalulintas. Perbelanjaan sebanyak RM254 juta atau 21.6% akan dibuat. Dari jumlah ini sebanyak RM211.5 juta akan ditanggung oleh Kerjaan Persekutuan manakala selebihnya sebanyak RM42.5 juta akan dibiayai oleh DBKL. Antara perbelanjaan ini ialah pembinaan sistem maklumat pengangkutan bersepadu (ITIS) sebanyak RM185.0 juta, menaik taraf siarkaki/pejalan kaki berjumlah RM15.0 juta dan memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan dan jejantas sebanyak RM7.5 juta.

Keutamaan yang ketiga ialah sektor pembangunan masyarakat/komuniti dan perkhidmatan. Sektor ini akan membelanja sebanyak RM227.04 juta atau 19.36%. Dari jumlah ini sebanyak RM55.55 juta adalah pembiayaan Kerajaan Persekutuan manakala RM 141.49 juta adalah dibiayai oleh DBKL sendiri.

Program-program pembangunan ini memberi atau mewujudkan kemudahan-kemudahan awam supaya rakyat dapat menikmati kehidupan yang berkualiti iaitu lebih selesa dan lebih sihat.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dilaksanakan atau menyambung projek-projek yang sedia ada termasuk:-

		RM
1.	Pusat Komuniti	8,800,000
2.	Taman - taman Awam	25,450,000
3.	Kemudahan Kampung	6,500,000
4.	Rekreasi	48,200,000
5.	Padang Awam	1,000,000
6.	Pusat Harian Warga Tuan	200,000
7.	Tandas Awam	1,000,000
		91,150,000

Keutamaan keempat ialah sektor sektor pelbagai. Ia meliputi projek-projek yang berbagai-bagai serta projek-projek sokongan kepada berbagai projek pembangunan yang disebutkan diatas tadi.

Contohnya ialah kerja-kerja mengganti video matrik di Dataran Merdeka (RM15 juta), menaik taraf penjaja di Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Muda Musa (RM12 juta) dan membina 'Leachet Treatment Plant' (RM2 juta). Jumlah perbelanjaan ini dijangka menelan belanja sebanyak RM92.31 juta atau 7.87%. Perbelanjaan ini dibiayai sepenuhnya oleh DBKL sendiri.

Keutamaan yang kelima ialah pembangunan ICT. Pembangunan ICT ini akan menelan belanja sebanyak RM22.0 juta atau 1.88%. Ia akan melengkapkan sepenuhnya peningkatan jaringan komunikasi ICT yang menyeluruh kesemua Jabatan dan Bahagian DBKL, menjadikan DBKL terangkai ke pihak luar. Perbelanjaan ini juga antaranya akan melibatkan pembangunan perpustakaan digital (RM5.6 juta) dan mewujudkan sistem penyimpanan dokumen dan pelan berkomputer (RM7.6 juta).


Perkara-perkara lain dalam Bajet 2004 ini yang ingin saya sentuh ialah cukai pintu dan penilaian hartanah. DBKL tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai pintu bagi tahun Bajet 2004. DBKL juga tidak bercadang untuk mengkaji semula nilai hartanah dalam Bajet 2004. Ini kerana ekonomi Kuala Lumpur belum begitu kukuh lagi dan pada masa yang sama kedudukan kewangan DBKL masih berada pada tahap yang baik. Ini jelas dari lebih hasil sebanyak RM5,456,791 seperti tersebut diatas.

Walaupun lebih hasil ini bukanlah berarti DBKL mempunyai sumber yang berlebihan untuk mudah digunakan.


Ini kerana segala perbelanjaan perlu diperhitungkan secara berhemah. Lebih ini perlu disimpan bagi menampung apa-apa juga perbelanjaan yang timbul secara tiba-tiba yang tidak dapat ditelaah lebih awal seperti didalam berlaku kecemasan yang memerlukan perbelanjaan besar, perbelanjaan luar jangka dan sebagainya. Perlu diingat juga DBKL sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan perlu berdikari dari segi kewangan. DBKL tidak memperolehi sebarang peruntukkan dari Kerajaan Persekutuan melainkan bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan sendiri yang mana DBKL hanya merupakan pelaksana.

DBKL perlu berhati-hati didalam merancang dan menggunakan kewangannya supaya berupaya melaksanakan tanggungjawab kewangannya sendiri dengan baik. Pada masa yang sama kepentingan wargakota diberi perhatian.


**ANGGARAN MENGURUS TAHUN 2004
RM 900.79 JUTA**




**PERBANDINGAN
MENGURUS
2003 dan 2004**



**ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2004
RM 1,173.01 JUTA**



**PERBANDINGAN PEMBANGUNAN
2003 dan 2004**



RINGKASAN BAJET MENGURUS

AKAUN CUKAI AM	AKAUN PERUMAHAN	AKAUN OPERASI	AKAUN PERUMAHAN RAKYAT	JUMLAH
----------------	-----------------	---------------	------------------------	--------

	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
BAJET MENGURUS					
(A) Anggaran Hasil bagi tahun 2004	847,245,690	49,100,000	32,300,281	7,600,000	936,245,971
Tolak					
(B) Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2004	753,537,550	86,726,930	33,382,920	27,141,780	900,789,180
(C) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Pembangunan	30,000,000				30,000,000
Anggaran Lebihan/(Defisit) bagi tahun 2004: (A)-(B)-(C)	63,708,140	(37,626,930)	(1,082,639)	(19,541,780)	5,456,791
Anggaran Lebihan/(Defisit) 31.12.2004	63,708,140	(37,626,930)	(1,082,639)	(19,541,780)	5,456,791

	2004	2003	Perbezaan	Perbezaan Peratus %
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Bajet Mengurus	900,789,180	888,504,070	12,285,110	1.38
Bajet Pembangunan	1,173,005,900	927,420,620	245,585,280	26.48
Anggaran Lebihan/(Defisit) 31.12.2004	2,073,795,080	1,815,924,690	257,870,390	14.20

RINGKASAN PENYATA PENGIMBANGAN (PEMBANGUNAN)

	Kumpulan Wang Pembangunan Am	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (JALAN & PARIT)	Kumpulan Wang Pembangunan Perumahan Awam	Kumpulan Wang Letak Kereta	Kumpulan Wang Pembangunan Usahasama dan Penswastaaan	Jumlah
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
BAJET PEMBANGUNAN						
Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2004	636,255,820	487,650,080	22,100,000	14,000,000	13,000,000	1,173,005,900
DIBIAYAI OLEH:						
Lebihan Terkumpul seperti pada 1.1.2004	366,800,820	305,150,080	2,100,000			674,050,900
Bantuan dari Kerajaan Pusat	249,455,000	172,500,000				421,955,000

Caruman dari Dana Cukai Am	20,000,000	10,000,000				30,000,000
Pembangunan Usahasama dan Penswastaaan			20,000,000		13,000,000	33,000,000
Sumbangan Berkanun dari Pemaju				14,000,000		14,000,000
	636,255,820	487,650,080	22,100,000	14,000,000	13,000,000	1,173,005,900

